



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

BEKALAN TELUR AYAM BAGI SAMBUTAN AIDILFITRI 2023

PUTRAJAYA – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), melalui unjuran yang dibuat bagi bulan April 2023 menjangkakan bekalan telur ayam bagi sambutan Aidilfitri 2023 adalah mencukupi dan memenuhi keperluan.

Bagi memastikan bekalan telur ayam yang diambil oleh rakyat Malaysia dengan kadar penggunaan purata sebanyak 942 juta biji setiap bulan tidak terputus, DVS sentiasa meneliti status bekalan telur ayam secara berterusan dari semasa ke semasa.

Selain itu, turut dilaksanakan program intervensi dalam pengedaran telur ayam dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi memastikan bekalan sumber protein itu boleh diperolehi di seluruh negara sepanjang Aidilfitri ini.

DVS sentiasa komited dalam memastikan bekalan telur ayam negara terus stabil dan sentiasa prihatin terhadap keperluan serta kebajikan rakyat Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

20 APRIL 2023